

Headline	TUN M BIDAS LAWRENCE		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Jan 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	1,2	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	697 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,859
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,577



“Yang rujuk kes ini ke mahkamah adalah mereka tapi bila mahkamah buat keputusan mereka tak peduli. Apa jadi kalau masyarakat tak hormat keputusan mahkamah?”  
- Bekas Perdana Menteri,  
Tun Dr Mahathir Mohamad

**TPM SOKONG  
BANTAHAN**

Mulyiddin pertahan tindakan NGO, Umno Selangor dalam isu penggunaan kalimah ALLAH

# TUN M BIDAS LAWRENCE

Paderi itu diminta hormati keputusan mahkamah, umat Islam 2

## Hormati keputusan mahkamah

**PETALING JAYA** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad semalam, meminta pengarang majalah mingguan Katolik *The Herald*, Paderi Lawrence Andrew supaya menghormati keputusan mahkamah berhubung penggunaan kalimah ALLAH dalam kitab Bible berbahasa Melayu. Beliau menegaskan paderi

Headline	TUN M BIDAS LAWRENCE		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Jan 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	1,2	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	697 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,859
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,577

itu perlu menghormati sensitiviti masyarakat Islam di negara ini sebagaimana umat Islam menghormati agama lain.

"Yang rujuk kes ini ke mahkamah adalah mereka tapi bila mahkamah buat keputusan mereka tak peduli. Apa jadi kalau masyarakat tak hormat keputusan mahkamah?

"Penggunaan kalimah ALLAH di Sabah dan Sarawak telah lama,

tak apalah, tapi di sini apa sebab tiba-tiba nak gunakan?" soal Dr Mahathir ketika ditemui media selepas menyampaikan ucaptama pada seminar Pengarah-pengarah Korporat Tabung Haji (TH) di Kelana Jaya, di sini.

Beliau mengulas kenyataan Lawrence pada 27 Disember lalu, bahawa gereja Katolik di Selangor akan terus menggunakan kali-

mah ALLAH dalam perhimpunan mingguan dalam bahasa Melayu meskipun Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) menghantar notis peringatan larangan penggunaan kalimah itu oleh bukan Islam.

Kenyataan beliau telah menimbulkan bantahan pelbagai pihak dan umat Islam terutama di Selangor dan kelmarin, Lawrence menegaskan tidak akan memohon maaf seperti yang digesa oleh be-

berapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk Umno Selangor dan Perkasa atas pendiriannya itu.

Dr Mahathir juga mengingatkan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang aman.

Katanya, walaupun mempunyai rakyat pelbagai agama serta kaum, ini perlu dikekalkan dengan mengelak melakukan perkara yang menyentuh sensitiviti agama lain.

- Bernama



Dr Mahathir disambut para peserta seminar pada majlis perasmian Seminar Pengarah Korporat Ke-6 TH sempena Ulangtahun ke-50 TH di Kompleks Lembaga Tabung Haji Kelana Jaya, semalam.